

PM sahkan lanjut khidmat Eusoff Chin

UM 17 JUN 2000

CYBERJAYA 16 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan tempoh perkhidmatan Tun Mohd. Eusoff Chin sebagai Ketua Hakim Negara akan dilanjutkan.

Beliau berkata,, khidmat Eusoff masih diperlukan sehingga pelantikan baru dibuat.

Dr. Mahathir bagaimanapun tidak dapat memastikan berapa lama tempoh perkhidmatan Eusoff akan dilanjutkan.

“Saya rasa tempoh perkhidmatan beliau akan dilanjutkan. Ini kerana,

kita perlu memastikan segala-galanya dalam keadaan bersedia sebelum sesuatu pertukaran,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Perisian Motorola Malaysia di sini hari ini.

Mengulas cadangan Majlis Hakim-Hakim Malaysia supaya yuran dikenakan mulai hari kedua perbicaraan bagi mengatasi masalah kes tertangguh, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji saranan itu.

Perdana Menteri bagaimanapun enggan mengulas sama ada cadangan itu adalah rasional.